

21 MAR 2000

MTUC-GAJI/I

SEKARANG WAKTU YANG SESUAI BAGI DASAR GAJI MINIMA, KATA MTUC

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Dengan ekonomi negara semakin pulih, sudah tiba masanya Malaysia memperkenalkan dasar gaji minima, kata Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini

Presidennya Zainal Rampak berkata, para pegawai MTUC menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mahathir Mohamad dua kali tahun lepas dan diberi jaminan yang kerajaan akan mempertimbangkan gaji minimum RM1,200 apabila ekonomi negara pulih.

Beliau berkata dalam satu kenyataan yang MTUC sejak sekian lama telah menyeru kerajaan untuk melaksanakan dasar gaji minima sebanyak RM1,200 sebagai penghargaan kepada para pekerja kerana sumbangan mereka selama 43 tahun negara merdeka dan membangun.

Zainal berkata, para pegawai MTUC menemui Dr Mahathir pada 7 Ogos dan sekali lagi pada 23 Okt lepas untuk mengingatkan beliau akan janjinya kepada para pekerja dan pada pertemuan kedua mereka diberitahu yang kerajaan masih mengkaji cadangan itu.

Menurut Zainal, produktiviti pekerja Malaysia diiktiraf di luar negara termasuk oleh majikan Jepun.

"Wakil-wakil daripada Persatuan Gabungan Majikan-majikan Jepun (NIKKEIREN) memuji produktiviti pekerja Malaysia. Mereka berkata pekerja kita boleh dilatih dengan mudah dan secara amnya kadar celik huruf tinggi di Malaysia.

"Pekerja-pekerja kita tidak boleh dibandingkan dengan mana-mana pekerja lain di rantau Asia-Pasifik khususnya dalam produktiviti. Mereka setaraf, jika tidak lebih baik, termasuk jika dibandingkan dengan beberapa negara Eropah," katanya.

Zainal menolak pendapat yang dasar seperti itu akan menjejaskan daya saing negara.

Di sebaliknya kata beliau, daya saing negara akan dipertingkatkan kerana pekerja-pekerja akan menerima motivasi untuk berusaha lebih gigih sementara pendapatan yang lebih tinggi juga akan membawa kesan sampingan positif kepada ekonomi.

" Para pekerja akan membeli lebih banyak barangan dan perkhidmatan dan ini akan merangsang lagi pertumbuhan ekonomi, satu senario yang menguntungkan semua pihak," kata Zainal.

Beliau juga berkata, dasar seperti itu juga adalah selaras dengan objektif kerajaan dalam membentuk masyarakat penyayang dan menambah kata gaji minima RM1,200 memandangkan kos hidup sekarang ini bukanlah sesuatu yang begitu besar sehingga majikan tidak mampu untuk membolehkan para pekerja mengekalkan standard asas kehidupan.

-- BERNAMA

AU PR